



Headline	LHM janji aksi lebih sengit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	324,097
Page No	78	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	311 cm <sup>2</sup>
Journalist	Saiful Affendy Sapran	AdValue	RM 11,486
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,458



## LHM janji aksi lebih sengit

Oleh Saiful Affendy Sapran  
saifulaffendy@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur:** Liga Hoki Malaysia (LHM) yang bermula 22 Mac ini dijangka bakal menghidangkan saingan lebih sengit apabila tujuh pasukan termasuk pendatang baru, Terengganu sudah mengesahkan untuk beraksi di dalam saingan Liga Perdana.

Kehadiran Terengganu bakal memecahkan dominasi beberapa pasukan berstatus elit sebelum ini, antaranya Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang sekian lama mendominasi kancah hoki tempatan itu.

Ini kerana, walaupun tampil kali pertama, Terengganu berjaya memikat beberapa pemain kebangsaan, antaranya anak tempatan, Fitri Saari, Azlan Misron, Shahrin Nabil serta Tengku Ahmad Tajuddin

untuk membarisi pasukan itu.

Perkara itu disahkan oleh Setiausaha Agung Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Mohd Johari Abd Aziz yang berkata, keputusan membenarkan Terengganu beraksi di Liga Perdana diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan MHC selepas mengambil kira barisan pemain bintang yang membarisi pasukan itu.

"Saya rasa tidak kurang tujuh pemain kebangsaan akan beraksi untuk Terengganu pada musim baru ini dan atas faktor itu, Jawatankuasa Pertandingan memutuskan untuk memberi peluang kepada mereka beraksi di Liga Perdana.

"Perkara ini bukan sesuatu yang baru sebab sebelum

ini pihak jawatankuasa juga pernah memberi peluang kepada YNS (Yayasan Negeri Sembilan) beraksi di Liga Perdana.

"Tidak dinafikan kehadiran Terengganu pasti akan merancakkan lagi saingan Liga Hoki Malaysia dan bakal memberi cabaran kepada pasukan elit seperti KLHC dan TNB," katanya.

Selain Terengganu, KLHC dan TNB, empat lagi pasukan yang bakal beraksi pada musim ini ialah Sapura, Maybank, UniKL dan Nur Insafi.

Jelas Mohd Johari, untuk saingan musim ini setiap pasukan dibenarkan untuk mendaftar maksimum enam pemain import dengan tarikh akhir pendaftaran adalah pada 15 Mac.

**"Tidak dinafikan kehadiran Terengganu pasti merancakkan lagi saingan"**

Mohd Johari Abd Aziz

